

Seminar On IBS For Timber : Fostering Innovation for Timber

Selasa, 29 Januari 2013 16:14



- ENGLISH VERSION ONLY -

SEMINAR ON IBS FOR TIMBER

Fostering Innovation for Timber

7 December 2009

Hilton Kuala Lumpur Hotel

Ucapan Perasmian

oleh

Y.B. Dato' Hamzah Zainudin

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan & Komoditi

Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail Saleh

Ketua Setiausaha

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Yang Berusaha Dr. Jalaluddin Harun

Ketua Pengarah

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

Yang Berusaha Encik Mohd Nawawi bin Dul

Ketua Penyelaras Pelan Induk Industri Pembinaan (CIMP)

Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Jabatan dan Agensi

Dato'-Dato', Datin-Datin,

Peserta seminar dan pameran,

Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) selaku penganjur seminar kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan Seminar on IBS dengan tema Fostering Innovation for Timber pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada MTIB kerana telah mengambil inisiatif untuk mengadakan beberapa siri seminar bagi mempromosikan aplikasi kayu dalam IBS ini.

2. Sambutan yang menggalakkan daripada industri kayu, badan-badan professional seperti Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM), Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) serta agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mencerminkan minat serta kesungguhan peserta untuk menambah pengetahuan dalam konsep IBS serta bertukar-tukar pandangan mengenai produk yang boleh ditawarkan oleh industri kayu. Saya berasa bangga

dengan kehadiran dan penyertaan tuan-puan yang menyokong usaha Kerajaan dalam memajukan industri perkayuan Negara.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

3. Seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pihak industri kayu mengenai peluang-peluang yang boleh diterokai dalam Industrialised Building System (IBS) khususnya penggunaan kayu dalam bidang pembinaan. Di samping itu, ianya bertujuan untuk mempromosikan produk dan komponen kayu yang memenuhi keperluan IBS. Ini secara tidak langsung dapat membantu spesifier terutama arkitek dan jurutera dalam memilih produk kayu sebagai komponen binaan.

4. Kayu adalah bahan binaan yang baik disebabkan sifat-sifatnya, nilai estetika, mesra alam, lebih selamat dan tidak menjejaskan kesihatan pengguna. Kayu sebenarnya adalah lebih kuat dan dapat bertahan lama sekiranya diawet dengan kaedah yang betul, digunakan di tempat betul dan dengan spesifikasi yang betul. Tambahan pula, dengan kepelbagaian spesis kayu akan memberikan fleksibiliti terhadap penggunaannya dari segi warna, corak dan kekuatannya.

5. Sumbangan industri kayu kepada ekonomi Negara amat signifikan terutama kepada pendapatan penukaran wang asing. Pada tahun 2008, industri ini mencatatkan nilai eksport berjumlah RM 22.79 billion iaitu peningkatan sebanyak 0.1% daripada tahun 2007 yang bernilai RM 22.76 billion. Dalam pasaran domestik pula, penggunaan kayu dianggarkan bernilai RM 7.6 billion setahun dimana sektor pembinaan dan perumahan merupakan penyumbang terbesar kepada nilai tersebut. Untuk memastikan penggunaan kayu terus berkembang dalam sektor tersebut, MTIB telah menjalankan pelbagai usaha berterusan seperti penganjuran seminar dan roadshow sebagai kempen galakan penggunaan kayu termasuklah IBS.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Sepertimana yang tuan-puan sedia maklum, IBS sebenarnya satu sistem atau kaedah pembinaan yang mana komponennya dihasilkan dalam keadaan terkawal sama ada di kilang atau tapak pembinaan, kemudian diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan menggunakan pekerja yang minimum di tapak. Objektif pelaksanaan kaedah IBS ini antaranya adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, serta mempercepatkan tempoh pembinaan. Sepertimana yang disasarkan di dalam Roadmap IBS 2003-2010, penggunaan IBS diharap dapat mengurangkan kebergantungan sektor pembinaan kepada pekerja asing ke tahap 15% pada tahun 2010.

7. Penerapan konsep IBS telah ditekankan menerusi formulasi Pelan Induk Industri Pembinaan atau Construction Industrial Master Plan (CIMP) 2006-2015 serta Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 yang menyarankan agar semua projek pembinaan Kerajaan menggunakan sekurang-kurangnya 70% kaedah IBS. Saya yakin produk kayu berupaya untuk diaplikasikan dalam IBS sekiranya menepati spesifikasi yang ditetapkan. Menerusi NATIP juga, penggunaan sistem IBS telah dikenalpasti sebagai satu kaedah yang inovatif dan berteknologi tinggi.

8. Pihak industri kayu boleh memainkan peranan dan turut serta di dalam pelaksanaan IBS ini sama ada terlibat sebagai pengeluar, pemasang, penyedia pengangkutan atau pun memberi khidmat konsultansi kepada para pengguna produk kayu. Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul adalah sejauh mana industri kayu kita telah bersedia untuk menerima pakai metodologi yang serupa dengan konsep IBS ini. Justeru, pihak industri kayu harus mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan mempelajari teknologi berkaitan agar tidak ketinggalan dan terus kekal berdaya saing di peringkat global.

9. Beberapa insentif turut ditawarkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penggunaan IBS ini. Antaranya pengecualian sepenuhnya levi CIDB bagi projek perumahan yang menggunakan komponen IBS lebih daripada 50%; dan juga perbelanjaan modal ke atas pembelian acuan untuk pengeluar komponen IBS diberi Elaun Modal Dipercepatkan untuk dituntut dalam tempoh 3 tahun. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan kos komponen binaan terutamanya bahan kayu, seperti tiang, rasuk, dinding dan lantai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Berlandaskan kepada pelbagai bentuk galakan dan rangsangan dari Kerajaan, industri kayu perlu memanfaatkan sepenuhnya peluang ini demi meningkatkan penggunaan kayu sebagai salah satu bahan dalam apa jua aplikasi khususnya pembinaan. MTIB dan agensi-agensi lain Kerajaan akan sentiasa memberikan sokongan dan bantuan agar industri kayu terus menjana ekonomi Negara.
11. Sebagai penutup, sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua penceramah, penganjur bersama iaitu CIDB serta pihak Sekretariat atas kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan seminar ini.
12. Kepada semua peserta seminar, diharap dengan pembentangan kertas-kertas kerja nanti, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menimba seberapa banyak ilmu di samping berkongsi pandangan mengenai peluang-peluang dalam penggunaan kaedah IBS dalam pembinaan. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar on IBS – Fostering Innovation for Timber.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Kemajuan Industri Kayu, Tembakau dan Kenaf
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Putrajaya